

Gu na isu perkauman, agama

Mahathir bidas

DAP dan Pas

SHAH ALAM, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Pas dan DAP kerana menggunakan isu perkauman dan agama untuk memeccahbelahkan perpaduan rakyat.

Beliau menyru rakyat supaya berhati-hati dengan dakwah parti-parti itu yang berusaha sedaya upaya untuk memeccahbelahkan perpaduan dan menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional.

"Rakyat haruslah sedar selagi ada MIC, MCA, Gerakan, dan parti-parti lain dalam Barisan Nasional, selama itulah kedua-dua parti pembangkang itu akan cuba memeccahbelahkan perpaduan," tegasnya.

Berucap kepada lebih 10,000 yang membanjiri perkerangan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini kerana menyambut ketibaannya untuk lawatan rasmi dua hari ke Selangor, Perdana Menteri berkata, DAP menggunakan isu perkauman dengan mendakwa pembangunan dilakukan oleh kerajaan hanya untuk sesuatu kaum sahaja dan menindas kaum yang lain.

Renggang

"Sebenarnya DAP tidak berniat untuk kebaikan kaum yang diwakili dan juga bukan untuk kebaikan negara," tegas beliau.

Katanya, perkara ini berlaku di mana-mana saja, termasuk di Melaka, yang mana isu pembangunan juga dijadikan bahan untuk membidas kerajaan.

Pas pula, katanya, menggunakan isu-isu agama untuk memeccahbelahkan bukan sahaja orang Melayu tetapi juga Barisan Nasional.

Parti itu, kata beliau, mahukan kerajaan mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam yang melaksanakan undang-undang Islam dengan tujuan merenggangkan hubungan Umno dengan parti-parti anggota Barisan Nasional yang lain.

"Mereka menggunakan isu-isu agama bukan kerana sayangkan agama tetapi sebagai alat untuk kepentingan mereka sendiri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebaliknya apabila Umno tidak berminat demikian, mereka akan menyatakan Umno tidak Islam dan tidak boleh diberi kepercayaan oleh orang-orang Melayu.

Pas, katanya, adalah parti yang tidak mempunyai prinsip sama sekali dan isu-isu ini ditimbulkan sebagai salah satu strateginya.

Perdana Menteri menegaskan Barisan Nasional adalah secocok dengan Islam dan rakyat bukan beragama Islam tidak perlu kkuatir kerana Umno akan memastikan agama Islam, tidak akan mengancam mereka.

Perdana Menteri juga menyru rakyat bersatu dan sabar menunggu pembangunan yang diusahakan oleh kerajaan kerana pembangu-

nan perlu dilaksanakan secara berperingkat-peingkat disebabkan peruntukan terhadap.

Beliau juga berkata, kerajaan pusat yang mengambil Kuala Lumpur dari Selangor akan cuba membawakan budi kerajaan Selangor secara beransur-ansur.

Katanya, pembinaan Kuala Lumpur dan Shah Alam adalah berbeza kerana pembangunan ibu negeri Selangor itu dibuat secara teratur berbanding Kuala Lumpur.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan pembangunan negeri tidak boleh tertumpu hanya kepada Shah Alam sahaja tetapi perlu meliputi semua kawasan dan kerajaan negeri perlu memikul tanggungjawab itu dengan mengagehkan peruntukan pembangunan kepada setiap kawasan.

Beliau juga memberi jaminan kerajaan pusat akan memberi peluang kepada rakyat Selangor mendapatkan latihan kemahiran yang boleh membantu negeri ini.

mencapai pembangunan pesat.

Rakyat bagaimana-pun hendaklah berusaha menukar cara hidup mereka supaya selaras dengan kehidupan moden ketika ini terutama dibidang pengeluaran secara banyak.

Perdana Menteri kemudian merasmikan bilik gerakan negeri dan dalam ucapannya Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan rakyat memilih pemimpin kerana mereka mahukan kebahagiaan daripada pemerintahan wakil yang mereka pilih.

Kuasa yang diberi bukan bermakna diberikan kepada orang-orang tertentu untuk kepentingan mereka sendiri, kata beliau.

Beliau berkata, para pentadbir perlu sentiasa meningkatkan prestasi bukan sahaja untuk kebaikan rakyat

tetapi juga untuk menjaga imej negara.

"Kita tidak mahu mendapat malu kerana prestasi pentadbiran yang lemah dan tidak mencapai tahap yang dikehendaki."